



Rujukan kami : Prk.ML. 08/35-22(2)
Tarikh : Julai 2013

SEMUA PENGARAH PERIKANAN NEGERI

Y.H. Dato'/Tuan/Puan,

SYARAT LESEN TAMBAHAN BAGI SEMUA BUKU LESEN VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN LAUT DALAM C2

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. Seperti Y.H. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, syarat mewajibkan semua vesel laut dalam memasang alat MTU dan alat tersebut hendaklah berfungsi/aktif sepanjang masa telah lama dikuatkuasakan. Syarat mewajibkan pengistiharan Laporan Operasi Vesel (LOV) bagi vesel laut dalam C2 pula mula dikuatkuasakan pada 30 Ogos 2012.
3. Bagi syarat pemasangan alat MTU, Bahagian ini mengambil maklum bahawa pihak Y.H. Dato'/Tuan/Puan telah mengambil tindakan dengan mengecop syarat tersebut di dalam buku lesen vesel laut dalam sebelum ini. Walaubagaimanapun, berdasarkan isu semasa dimana terdapat banyak vesel laut dalam yang tidak mengaktifkan alat MTU sepanjang masa dan juga terdapat kes pengubahsuaian terhadap alat tersebut, maka cawangan perundangan telah mencadangkan agar syarat tersebut ditambahbaik supaya kesalahan boleh disabitkan di bawah Akta Perikanan 1985. Bersama ini disertakan contoh cop yang telah ditambahbaik. Pohon kerjasama pihak Y.H. Dato'/Tuan/Puan untuk mengecop semula syarat tersebut pada buku lesen dan cop lama di dalam buku lesen berkaitan dengan syarat ini hendaklah dibatalkan.
4. Sementara bagi syarat pengistiharan Laporan Operasi Vesel (LOV) yang kini masih belum di cop di dalam buku lesen sebagai syarat lesen, ianya perlulah dicop menggunakan cop yang dibekalkan bersama ini.
5. Semua syarat-syarat tambahan berkenaan hendaklah dicop di mana-mana muka surat kosong di **bahagian syarat-syarat lesen**.

Kerjasama dari Y.H. Dato'/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah


(HJ. JOHARI B. RAMLI)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

b.p: Ketua Pengarah Perikanan

Malaysia

PUTRAJAYA

ii_2013/Cth Cop LOV dan MTU

s.k.

Y.H.Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

YBrS. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrS. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Ketua Cawangan Pembangunan Laut Dalam

LAMPIRAN 1

Contoh *Rubber Stamp* untuk di cop diatas buku lesen vesel laut dalam C2

BIL	PERKARA	CONTOH RUBBER STAMP	CATATAN
1	<p>Syarat wajib pemasangan alat MTU</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Vesel hendaklah dipasang alat <i>Mobile Transceiver Unit</i> (MTU) yang telah diperakukan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan berfungsi / aktif setiap masa. Sebarang pengubahsuaian / pemindahan alat berkenaan adalah DILARANG.</p> </div>	<p>Hendaklah dicop pada buku lesen semua vesel laut dalam C2 dimana-mana mukasurat kosong di bahagian syarat-syarat lesen</p>
2	<p>Syarat wajib mengistiharkan Laporan Operasi Vesel (LOV)</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>" Vesel hendaklah mendaratkan dan mengistiharkan jumlah pendaratan ikan sebenar bagi setiap trip di pangkalan yang ditetapkan bagi tujuan pengisian borang Laporan Operasi Vesel (LOV) "</p> </div>	<p>Hendaklah dicop pada buku lesen semua vesel laut dalam C2 dimana-mana mukasurat kosong di bahagian syarat-syarat lesen</p>